

11/05/1997

BN jentera politik paling kuat: Ling

TELUK INTAN: Komponen Barisan Nasional (BN) yang mengandungi parti mewakili semua kaum adalah jentera politik paling kuat dan bersatu padu dalam mencapai kemajuan negara.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata ekonomi negara berkembang lebih lapan peratus setahun serta mampu membendung inflasi ke satu tahap yang rendah, "Di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia bukan saja maju dan berkembang pesat, malah dihormati pemimpin negara maju serta membangun.

"Kejayaan itu dicapai hasil perpaduan semua kaum dan kejayaan kerajaan BN di bawah kepemimpinan Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di sini, semalam.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan berkata, Malaysia kini menjadi contoh kepada negara membangun dan ramai pegawai asing mengikuti kursus di negara ini.

Menurutnya, setiap minggu pemimpin negara membangun berkunjung ke negara ini untuk menyaksikan kejayaan Malaysia dan mempelajarinya.

Oleh itu, katanya, tugas utama rakyat Malaysia ialah mengekalkan perpaduan dan sokongan, termasuk mengundi calon BN, Chee See Choke yang akan bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Teluk Intan, 17 Mei.

Katanya, pihaknya percaya, DAP yang mencalonkan M Kulasegaran akan menggunakan pelbagai cara untuk memancing undi bagi menebus kekalahan mereka dalam pilihan raya umum, 1995 lalu.

"DAP boleh bercakap tetapi tidak dapat melakukan sesuatu. DAP juga tidak demokratik. Tanyalah bekas pemimpinnya seperti Datuk Lee Lam Thye, Kua Kian Soon dan Yap Yin Bun yang meninggalkan parti itu," katanya.

(END)